



قجابت سور و هنجاي فر خدمتن عوام

PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
OFFICE OF THE PUBLIC SERVICE COMMISSION
PRIME MINISTER'S OFFICE | BRUNEI DARUSSALAM

BANGUNAN SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM, LAPANGAN
TERBANG LAMA, BERAKAS,
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TEL: 2380459 | 2380460
FAX: 2382772 | 2381893
EMAIL: info@spa.gov.bn
WEBSITE: www.spa.gov.bn

KENYATAAN AKHBAR

Tarikh kenyataan di keluarkan:
19 Ogos 2021 (Hari Khamis)

MAKLUMAN PENYAMPAIAN SURAT TAWARAN JAWATAN DAN TATACARA MENGHADAPKAN SURAT PENERIMAAN/ PENOLAKAN TAWARAN LANTIKAN

Dalam usaha memastikan kelancaran proses kerja yang berkaitan semasa negara menghadapi gelombang kedua COVID-19, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ingin memaklumkan perubahan tatacara penyampaian Surat Tawaran Jawatan kepada calon-calon yang berjaya dan juga tatacara menghadapi Surat Penerimaan/ Penolakan Tawaran Jawatan.

Penyampaian Surat Tawaran Jawatan kepada calon-calon yang berjaya

1. Penyampaian Surat Tawaran Jawatan akan disampaikan melalui e-mel. Calon-calon adalah disarankan untuk sentiasa menyemak e-mel termasuk folder *Junk/ Spam*.
2. Salinan asal Surat Tawaran akan dihantar melalui perkhidmatan pos. Sila pastikan alamat persuratan pada profil PSC Recruitment adalah terkini dan betul.

Menghadapkan Surat Penerimaan/ Penolakan Tawaran Jawatan

1. Surat Penerimaan/ Penolakan Tawaran Jawatan kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam boleh dikembalikan melalui e-mel ulp.spa@spa.gov.bn ATAU;
2. Melalui *Drop Box* di **Kaunter Tingkat 5**, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan
(Waktu bekerja sahaja iaitu hari **Isnin hingga Khamis dan Sabtu pukul 8.00pagi hingga 2.00petang**).

Untuk makluman juga, pemeriksaan kesihatan (*Pre-Employment Medical Check*) pada masa ini belum dapat dilakukan. Perkembangan mengenainya akan dimaklumkan melalui laman media sosial rasmi Instagram dan Telegram PSC.BN dari masa ke semasa. Perkara ini adalah berpandukan kepada perkembangan situasi *Standard Operating Procedure* terkini yang akan diumumkan oleh pihak Kementerian Kesihatan.

Sebarang pertanyaan:

WhatsApp: +673 7371961

E-mel: query@spa.gov.bn

Sekian disampaikan.

Dikeluarkan Oleh:

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Negara Brunei Darussalam

recruitment.gov.bn | spa.gov.bn

Ikuti channel telegram: t.me/psc_recruitment